



Menteri Hal Ehwal Agama akui kepentingan peranan media

Oleh Latifah Arifin - Januari 3, 2023
latifah@bh.com.my

PUTRAJAYA: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Nai'im Mokhtar berkata media dan kerajaan saling memerlukan sebagai penghubung dengan rakyat.

Justeru, beliau sentiasa terbuka untuk menjalin hubungan dan merangka kerjasama dengan pihak media.

Ini kerana Mohd Nai'im melihat kepentingan dan peranan media khususnya sebagai jambatan komunikasi antara kerajaan dan rakyat.

Beliau berkata demikian ketika kunjungan Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman di pejabatnya di sini hari ini. Turut hadir, Pengarang Berita (Rencana & Agama) BH, Nazmi Yaakub.

"Berbanding sebelum ini tugas sebagai hakim selama lebih dua dekad, tak banyak interaksi luar dengan pelbagai pihak. Jadi, (sebagai Menteri) bantuan media saya kira sangat penting dalam membantu menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih," katanya.

Dalam sesi kunjungan itu, Ahmad Zaini bertukar pendapat mengenai kerjasama yang boleh dijalin dengan BH bersama agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

"BH melihat portfolio Menteri Agama antara yang mendapat perhatian dalam kalangan umat Islam, khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam usaha memperkasa ummah.

"Perkara ini menjadi sangat kritikal melihat kepada pelbagai isu berkaitan agama yang sering tular di media sosial," katanya.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Nai'im Mokhtar berbincang bersama Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman ketika menerima kunjungan hormat di Putrajaya. - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah